

Pelancaran Kor SUKSIS UniMAP

Universiti Malaysia Perlis telah memperkukuhkan lagi hubungannya dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) apabila melancarkan Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) UniMAP di Dewan Kapitol UniMAP, pada 14 April 2008 lalu. Ia telah



disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Ismail Omar. Beliau berkata penubuhan Kor SUKSIS selain daripada melahirkan graduan yang cemerlang dari sudut keperibadian, ianya sebagai satu langkah PDRM meluaskan penglibatan masyarakat sebagai mata dan telinga kepada polis. PDRM sentiasa mengalu-alukan hasrat institusi atau mana-mana organisasi yang berusaha mewujudkan modal insan yang mantap, berintegriti, berwawasan serta berupaya memberikan sumbangan positif ke arah melahirkan masyarakat dan persekitaran yang lebih selamat. Majlis itu juga turut diserikan dengan perlantikan dan pemakaian lencana pangkat anggota kehormat SUKSIS UniMAP yang terdiri daripada Supt / KS Dr. Khairul Nizar Ismail (Timbalan Komandan), DSP / KS Zuber Mohamad (Ajutan), ASP / KS Mohammad Nuzaihan Md Nor (Pegawai Latihan Akademik) dan ASP / KS Rohazita Bahari (Pegawai Latihan Luar). Mereka merupakan kakitangan UniMAP. Turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada anggota SUKSIS UniMAP yang terdiri daripada pelajar UniMAP seramai 63 ahli iaitu 42 lelaki dan 21 perempuan.